

23/06/2003

Agenda tersembunyi cuba jatuhkan Tok Pa dikesali

Ikmal Hisham Abdul Aziz

PERHIMPUNAN Agung Umno ke-54, baru saja selesai dengan penuh semangat perpaduan dan muafakat. Ahli parti dari segenap lapisan dan barisan kepimpinan mengikuti amanat pucuk pimpinan dengan hati terbuka dan fikiran lapang.

Pendek kata, setiap anggota parti menanamkan tekad dan azam untuk menunaikan amanat dan harapan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua ahli Umno mengukuhkan perpaduan demi perjuangan bangsa dan agama.

Dalam kesibukan ahli perwakilan mengikuti perbahasan, saya melihat beberapa orang sibuk mengedarkan buku yang diberi secara percuma kepada perwakilan Perhimpunan Agung Umno 2003 di luar Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Buku berjudul Bicara Sebuah Perjuangan itu ditulis oleh sahabat saya, Mohd Noor Yaacob yang juga Naib Ketua Umno Bahagian Tumpat, Kelantan.

Saya menghormati hak pandangan peribadi beliau. Tetapi setiap ahli Umno yang menghayati amanat Dr Mahathir dan berikrar untuk memelihara perpaduan parti, di mana kepentingan parti mengatasi cita-cita peribadi, pasti berasa sesuatu yang tidak kena dengan sebahagian isi kandungan buku itu.

Sesetengah mereka yang membaca buku setebal 238 muka itu berbual sesama sendiri mengenai sebahagian kandungannya.

Kandungan sesetengah buku itu, dilihat berlawanan dengan aspirasi perjuangan Umno yang membudayakan semangat perpaduan, kesepakatan serta kesetiaan dan penghormatan kepada pemimpin parti.

Noor dalam bukunya mengkritik kepimpinan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapha Mohamed (Tok Pa) dan mempertikaikan usaha yang dilakukan oleh beliau untuk mengukuhkan Umno negeri.

Pembacanya pasti berpendapat buku ini tidak membantu ke arah merapatkan perpaduan Umno Kelantan, sekali gus tidak memenuhi aspirasi dan harapan pucuk pimpinan untuk melihat perpaduan dan kekuatan jitu di segenap lapisan parti.

Dr Mahathir dan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

kerap mengadakan lawatan ke Kelantan. Setiap kali itu juga, mereka mengingatkan ahli supaya terus bersatu, jangan berpecah belah dan menunjukkan taat setia kepada pemimpin yang dilantik.

Dengan segala usaha dan strategi yang dilaksanakan, Umno Kelantan kini berada pada tahap terbaik yang tidak pernah dikecapi sejak negeri ini tewas kepada pembangkang, Pas pada 1990.

Melihat kepada kestabilan dan kekuatan Umno Kelantan, pemimpin pusat sentiasa memberi perhatian dan sokongan kerana yakin dengan kemampuan Tok Pa dan barisan kepimpinannya.

Paling membanggakan, Dr Mahathir yang mempunyai jadual yang amat ketat dan menjadi `rebutan' semua Badan Perhubungan Negeri sudah tiga tahun

berturut-turut hadir pada majlis makan malam bersama Umno Kelantan pada malam kedua Perhimpunan Agung Umno kali ini. Majlis di kediaman Tok Pa di

Kuala Lumpur kali ini dihadiri lebih 2,000 orang.

Ini jelas membuktikan betapa Presiden Umno yang dikasihi ahli Umno begitu mengambil berat dan sayang serta mengiktiraf kepemimpinan dan ketokohan Tok Pa dan Umno Kelantan.

Seperti kata Ketua Umno Bahagian Selayang, Datuk Ahmad Bahari yang hadir

pada majlis itu: "Dr Mahathir sayang betul kat Kelantan."

Ketua Penerangan Umno Kelantan yang juga Timbalan Ketua Umno Bahagian Peringat, Alwi Che Mat yang duduk bersebelahan saya pada majlis itu memberitahu bahawa Umno Kelantan sudah mempunyai elemen sangat baik untuk

memenangi pilihan raya umum akan datang, tetapi penghalang utamanya ialah

`masalah sesama kita'.

Katanya lagi, ahli Umno Kelantan seolah-olah belum bersedia untuk menang

di negeri itu.

Jadi, mengapa masih ada di antara kita yang sentiasa mempertikaikan dan

sengaja mencari kelemahan Tok Pa yang mendapat pengiktirafan dan kepercayaan pucuk pimpinan parti.

Dalam hal ini, kita, Umno Kelantan sepatutnya berbesar hati dan bangga kerana kerajaan bersetuju untuk menubuhkan Institut Pemikiran Dr Mahathir

seperti yang dicadangkan oleh Tok Pa ketika membahaskan ucapan dasar Presiden pada Jumaat lalu. Inilah adalah pengiktirafan kerajaan dan parti

terhadap Umno Kelantan pimpinan To Pa.

Penubuhan institut itu seperti yang diumumkan oleh Abdullah ketika ucapan penggulungan kelmarin, sebagai tanda penghargaan negara dan rakyat

atas jasa, sumbangan serta perkhidmatan Dr Mahathir kepada negara.

Berbalik kepada apa yang diperkatakan Alwi, saya turut mengakui bahawa Umno mempunyai semua ciri yang diperlukan untuk menewaskan pembangkang di

Kelantan.

Malah, seluruh ahli parti dan rakyat Kelantan turut mengakui kelebihan yang dimiliki Umno yang kini mendapat sokongan segenap lapisan

masyarakat, terutama golongan profesional, intelektual, pegawai kerajaan, pekerja swasta, pelajar, peniaga, petani dan nelayan.

Mereka semua menerima, mengiktiraf dan menghormati kepemimpinan Tok Pa sebagai tokoh pemimpin yang penuh karisma, bekerja keras dan mempunyai latar belakang bersih.

Tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa sejak Umno tewas di Kelantan

13 tahun lalu, inilah kali pertama kita mempunyai pemimpin yang diterima oleh semua rakyat negeri itu.

Memang benar kita mempunyai ramai pemimpin di Kelantan, tetapi hanya Tok

Pa yang memenuhi cita rasa dan kehendak rakyat berdasarkan ciri peribadi

dan kesungguhannya meningkatkan martabat negeri itu.

Berdasarkan kecemerlangan Tok Pa menerajui Umno Kelantan, banyak pihak tertanya-tanya mengapa buku seperti ini diedarkan secara percuma hanya kepada perwakilan.

Noor memberitahu saya bahawa ada seseorang yang membeli buku yang ditulisnya dalam jumlah besar untuk diagihkan secara percuma hanya kepada perwakilan.

Pada hemat saya, 'dermawan' itu mempunyai agenda tersembunyi untuk memporak-perandakan keadaan supaya kepemimpinan Tok Pa sentiasa dipertikaikan.

Bukannya semua kandungan dalam buku itu tidak baik, tetapi persoalannya ialah mengapa ada bahagian tertentu yang melontarkan kritikan yang menjurus ke arah Tok Pa.

Kita harus faham bahawa Tok Pa memegang jawatan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan hanya bagi tempoh tidak sampai sepenggal, belum pun diuji berdepan dengan pilihan raya umum tetapi kini beliau diserang dengan begitu hebat sekali baik dari luar mahupun dalam.

Jika kita sayangkan parti, memahami aspirasi perjuangan Umno dan menghayati pesanan Presiden, marilah kita mengukuhkan perpaduan dan membulatkan keazaman demi kelangsungan perjuangan yang masih belum selesai.

Umno hari ini berada dalam keadaan yang paling kukuh seperti yang diucapkan oleh Dr Mahathir. Janganlah ada di antara kita yang menjadi duri

dalam daging, musuh dalam selimut dan gunting dalam lipatan.

IKMAL HISHAM ABDUL AZIZ,

Ketua Pemuda Umno Bahagian Tanah Merah,  
merangkap Exco Pergerakan Pemuda Umno.